

**TEKS UCAPAN**  
**LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN,**  
**REKTOR KUKUM**  
**MAJLIS PERASMIAN TAYANGAN FILEM , DISKUSI FILEM & PAMERAN**  
**PERFILEMAN PADA 5 MEI 2006 BERTEMPAT DI DEWAN KAPITOL PERLIS.**

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Haji Ismail Osman, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Wakil YAB Menteri Besar Perlis.

Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Jins Shamsuddin,

Yang Berbahagia En. Fauzi Ayob, Ketua Pengarah Finas,

Yang Berbahagia Dato' Mustapha Maarof selaku presiden SENIMAN

Yang Berhormat Datuk-Datuk dan Datin-Datin,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Rektor KUKUM (Akademik Dan Pengantarabangsaan )

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan Rektor KUKUM (Penyelidikan Dan Inovasi)

Dif-Dif Kehormat,

Pegawai-pegawai Utama KUKUM,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil Media yang Dihormati,

Warga Kerja KUKUM yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah saya merafa'kan kesyukuran kehadrat Allah kerana sekali lagi dapat kita bertemu dalam majlis perasmian tayangan filem, diskusi filem & pameran perfileman yang saya kira julung kali program ini dianjurkan di KUKUM.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada anggota jawatankuasa majlis kerana berkat komitmen yang tinggi dalam usaha menyatu idea, menyempurnakan kerja,

menzahirkan upacara, majlis ini berlangsung serta terlaksana dengan penuh adab dan jayanya. Saya percaya tanpa kerja keras dan iltizam yang sentiasa membara dalam jiwa dan sanubari setiap warga KUKUM, majlis yang besar seumpama ini sudah pasti sukar dilaksana. Ibarat kata bijak pandai, *"pisang sesikat, susu sebelanga, tanda bermuafakat bersama-sama."*

Hadirin dan hadirat yang dikasih sekalian,

Dari sebuah *Ensiklopedia* dipetik bahawa definisi filem adalah gambar bergerak yang ditayangkan pada layar. Ia dihasilkan untuk tontonan umum. Tetapi adakah kita sedar untuk menghasilkan sesebuah filem sejarah bukanlah suatu yang mudah. Ia memerlukan kajian yang teliti dalam menghasilkan mutu filem yang benar-benar berkualiti dan realistik. Mungkin di mata kita, penghasilan filem ini nampak ringkas dan mudah tetapi pada hakikatnya ia merumitkan. Misalnya, penghasilan set sesebuah filem perlu dibuat kajian terlebih dahulu berdasarkan monumen-monumen dan bahan-bahan rujukan sejarah bagi melahirkan suasana yang realistik dan realiti. Dalam usaha ini, khidmat pereka profesional diperlukan bagi menghidup jalan ceritanya.

Hadirin dan hadirat yang dikasih sekalian,

Dalam pencarian kepercayaan penonton terhadap filem yang dipertontonkan, kehebatan teknologi amatlah diperlukan. Penonton tidak mahu filem hitam putih, kaku serta tidak bermaya sebaliknya mahukan filem yang selari dengan arus pemodenan hari ini. Dalam erti kata lain berkualitinya sesebuah filem seperti dari mata turun ke hati. Bagaimana kita ingin menangkap mata serta hati penonton terhadap filem kita?

Di sinilah peri pentingnya kekuatan teknologi di zaman moden. Ianya membuatkan sesebuah filem yang tidak mempunyai jalan cerita yang menarik akan kelihatan seperti sebuah filem yang bermutu. Kelebihan filem berteraskan teknologi ialah, kemampuan mereka membawa penonton menghayati serta mengalami saat atau peristiwa yang tidak mungkin dapat dirakamkan menerusi filem menggunakan watak manusia sebenar. Ketidakupayaan petugas filem untuk merakamkan detik cemas seperti saat jatuh dari air terjun yang tinggi dapat diatasi dengan teknologi bagaikan benar-benar terjadi ekoran penghasilan imej yang cukup baik oleh pakar teknologinya.

Hadirin hadirat sekalian,

Sebenarnya kita mampu menghasilkan sebuah filem yang setanding dengan negara barat. Kita ada kemudahan dan tempat bagi menghasilkan tenaga pakar dalam bidang ini. Apa yang penting kita perlu mantapkan diri dan berani bersaing dalam dunia yang semakin hari semakin mencabar. Sebelum mengakhiri ucapan pada malam ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua individu yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ismail Osman, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Wakil YAB Menteri Besar Perlis dan tetamu-tetamu serta dif-dif kehormat yang lain yang sudi hadir pada malam ini.

Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.